1 Apakah tujuan sesebuah perniagaan dijalankan?

A. Meningkatkan taraf hidup
B. Mewujudkan peluang pekerjaan
C. Menggalakkan persaingan yang sihat
D. Menawarkan barang dan perkhidmatan

2 Apakah kelebihan milikan tunggal berbanding perkongsian?

A. Liabiliti terhad
B. Modal lebih besar
C. Jangka hayat berterusan
D. Mudah membuat keputusan

3 Pilih padanan yang betul.

| | **Rentak Setia Sendirian Berhad** | **Inovasia Berhad** |
|---|---|---|
| A | Hal ehwal kewangan diumumkan | Hal ehwal syarikat dirahsiakan |
| B | Bilangan pemegang syer tidak terhad | Bilang pemegang syer terhad |
| C | Syer boleh dijual kepada orang awam | Syer tidak boleh dijual kepada orang awam |
| D | Syer boleh dipindah milik dengan kebenaran | Syer boleh dipindah milik dengan bebas |

4 Maklumat berikut berkaitan dengan klasifikasi perniagaan pengilangan.

| **Syarikat** | **Jualan tahunan** | **Pekerja tetap** |
|---|---|---|
| **I** | RM500 000 | 20 orang |
| **II** | RM20 juta | 80 orang |

Manakah klasifikasi perniagaan yang betul?

| | **I** | **II** |
|---|---|---|
| A | Sederhana | Besar |
| B | Kecil | Besar |
| C | Kecil | Sederhana |
| D | Besar | Sederhana |

9 Maklumat berikut berkaitan dengan situasi ekonomi.

| |
|---|
| Peningkatan harga minyak mentah di pasaran global serta gangguan rantaian bekalan makanan telah menyebabkan kos bahan mentah bagi industri pembuatan makanan di Malaysia meningkat sebanyak 15%. Kesannya peniaga menaikkan harga jualan produk bagi menampung kos operasi mereka. |

Bagaimanakah kerajaan menangani isu tersebut?

A. Memperkasakan Akta Kontrak 1950 bagi mengawal elemen perjanjian antara pembekal dan peniaga
B. Meningkatkan kadar faedah simpanan bagi menggalakkan penduduk menyimpan wang di bank
C. Memberikan subsidi kepada pengeluar bagi mengawal kenaikan kos pengeluaran barang
D. Melaksanakan dasar fiskal bagi meningkatkan pendapatan pengguna

10 Pilih pasangan yang betul.

| | **Faktor Dalaman** | **Faktor Luaran** |
|---|---|---|
| A | Kewangan | Teknologi Maklumat |
| B | Ekonomi | Pemasaran |
| C | Pengeluaran | Ekologi |
| D | Teknologi | Politik |

11 Situasi yang manakah berkaitan dengan ciri-ciri objektif yang boleh diukur?

A. Aini Enterprise menggunakan carta Gantt dalam menyiapkan 20 000 pasang kasut
B. Mak Siti Trading menganggarkan peningkatan jualan sebanyak 20% pada tahun semasa
C. EcoPandu Sdn Bhd menyasarkan pengeluaran produk skuter elektrik bermula tahun hadapan
D. Kedai Kek Amy menetapkan pembukaan cawangan dalam tempoh tiga tahun operasi

30 Maklumat berikut berkaitan dengan perniagaan Edayu Enterprise.

| | |
|---|---|
| Kuantiti | 10 000 unit |
| Harga seunit | RM30 |
| Kos seunit | RM19 |
| Belanja pentadbiran | RM18 000 |
| Kos promosi | RM2 000 |

Berapakah untung bersih perniagaan tersebut?

A. RM90 000
B. RM92 000
C. RM110 000
D. RM300 000

31 Maklumat berikut berkaitan dengan sebab pihak berkepentingan memerlukan penyata kewangan.

- Menilai prestasi perniagaan
- Membuat pertimbangan untuk pemberian ganjaran

Siapakah pihak yang berkepentingan tersebut?

A. Institusi kewangan
B. Pihak pengurusan
C. Pemegang saham
D. Pembiaya

32 Maklumat berikut diperoleh daripada Kunci Kira-kira firma Wong Trading.

| **Butiran** | **RM** |
|---|---|
| Aset semasa | 25 000 |
| Liabiliti semasa | 5 000 |
| Aset bukan semasa | 50 000 |
| Liabiliti bukan semasa | 5 000 |

Berapakah nilai Nisbah Semasa?

A. 1 : 1
B. 2 : 1
C. 5 : 1
D. 10 : 1

**Bahagian B**

[30 markah]

Jawab mana-mana ***dua*** soalan.

7. Maklumat berikut berkaitan dengan perniagaan Kedai Kek Sedap.




Promosi yang dijalankan telah meningkatkan jumlah pelanggan di Kedai Kek Sedap sehingga pekerja sedia ada tidak mencukupi untuk melayani pelanggan. Pada masa yang sama, pembuat kek di Kedai Kek Sedap memaklumkan bahawa beliau akan meletakkan jawatan bulan hadapan kerana perlu berhijrah mengikut suami, sekali gus mewujudkan kekosongan jawatan yang perlu diisi.

Seorang rakan pengurus yang merupakan pensyarah di sebuah politeknik berdekatan telah mencadangkan beberapa pelajar bidang kulinari untuk bekerja di kedai tersebut. Cadangan itu memberi peluang kepada pelajar memperoleh pengalaman praktikal sambil membantu pengurus mendapatkan pekerja baharu bagi mengisi kekosongan jawatan.

(a) Jelaskan kaedah promosi yang digunakan oleh perniagaan Kedai Kek Sedap.

[4 markah]

(b) Anda bersetuju dengan bilangan pekerja sedia ada tidak dapat mengekalkan kualiti perkhidmatan yang ditawarkan oleh perniagaan tersebut. Berikan pendapat.

[6 markah]

(c) Wajarkah pengurus Kedai Kek Sedap menerima cadangan rakannya? Kemukakan alasan. [5 markah]

**Bahagian C**

[*20 markah*]

*Soalan ini wajib jawab*

**10** En Farish merupakan pemilik Syarikat NBJ Sdn Bhd yang beroperasi di Kawasan Perindustrian Senai, Johor. Syarikat ini mengeluarkan produk berasaskan buah-buahan tempatan yang diproses seperti jus, jem dan buah-buahan yang dikeringkan.

Syarikat NBJ Sdn Bhd mempunyai pekerja seramai 100 orang yang terdiri daripada penduduk tempatan. Berikut adalah agihan pekerja syarikat :




Pekerja kontrak merupakan pekerja tidak mahir yang berkerja dalam tempoh 1 tahun. Jika prestasi tidak memuaskan kontrak tidak akan disambung semula. Encik Muizz sebagai pengurus sumber manusia berpendapat, syarikat akan menghadapi masalah jika tidak mempunyai pekerja yang memenuhi keperluan kemahiran kebolehkerjaan seperti berpengalaman dan kelayakan yang bersesuaian. Situasi ini akan menyebabkan kos operasi meningkat dan berlaku pusing ganti pekerja yang tinggi. Bilangan pekerja mahir perlu ditingkatkan bagi meningkatkan daya saing di pasaran.

En Farish sentiasa memastikan mesin dan peralatan ICT yang digunakan adalah yang terkini dan moden. Beliau telah memasang kamera litar tertutup (CCTV) bagi tujuan kawalan dan keselamatan. Tindakan ini dirasakan sudah mencukupi dalam mengurus sumber fizikal.

En Farish juga ingin meluaskan pasaran perniagaannya dengan membuat penambahbaikan kepada pembungkusan produk yang lebih menarik dan menepati citarasa pelanggan.




Beliau telah mengarahkan pengurus pemasaran untuk merancang kaedah promosi yang sesuai dan berkesan bagi menarik minat pelanggan. Permintaan yang terus meningkat memerlukan En Farish menambah beberapa mesin untuk menyiapkan tempahan dengan segera. Pihak syarikat masih mempertimbangkan untuk membeli mesin tersebut secara sewa beli atau pajakan.

Berdasarkan kes tersebut, jawab soalan-soalan berikut:

(a) Jelaskan bentuk milikan perniagaan En Farish ? [4 markah]

(b) (i) Apakah jenis pengangguran yang wujud daripada situasi di atas? [1 markah]

(ii) Bagaimanakah En Muizz dapat mengatasi masalah tersebut?
[3 markah]

(c) Anda tidak bersetuju dengan tindakan En Farish menguruskan sumber fizikalnya. Berikan alasan.
[4 markah]

(d) Terangkan kaedah promosi yang sesuai dirancang oleh pengurus pemasaran.
[4 markah]

(e) Sebagai pengurus kewangan, cadangkan jenis pembiayaan yang sesuai dipilih oleh Syarikat NBJ Sdn Bhd. Berikan alasan anda. [4 markah]

**PERATURAN PEMARKAHAN PPC PERNIAGAAN SET 2 2026**

| SOALAN | BUTIRAN | | MARKAH |
|---|---|---|---|
| 1(a) | H1 | Menawarkan barang / perkhidmatan | 1 |
| | H2 | memenuhi keperluan / kehendak pengguna | 1 |
| | H3 | Bermotifkan untung / Organisasi Bermotifkan Untung (OBU) | 1 |
| | H4 | Contoh yang sesuai yang menggambarkan untung / contoh barang jualan yang spesifik | 1 |
| | H5 | Bukan bermotifkan untung / Organisasi Bukan Bermotifkan Untung (OBBU) | 1 |
| | H6 | Contoh yang sesuai / membeli secara percuma / jualan pada harga kos / jualan pada harga di bawah kos | 1 |
| | | | **[Maks 4]** |
| 1(b)(i) | F | Koperasi | 1 |
| | | | **[Maks 1]** |
| 1(b)(ii) | H1 | Kawalan secara demokratik oleh anggota | 1 |
| | H2 | Keanggotaan sukarela dan terbuka | 1 |
| | H3 | Prihatin terhadap komuniti | 1 |
| | H4 | Bekerjasama antara koperasi | 1 |
| | H5 | Kebebasan autonomi | 1 |
| | H6 | Penglibatan anggota dalam kegiatan ekonomi | 1 |
| | H7 | Pendidikan, latihan dan maklumat | 1 |
| | | | **[Maks 5]** |
| 2(a) | | Ciri-ciri objektif Syarikat Minuman Segar Sdn. Bhd ialah | |
| | F1 | Specific / spesifik | 1 |
| | H1 | Objektif dinyatakan dengan khusus / Menjual produk minuman botol berasaskan buah-buahan | 1 |
| | F2 | Measureable / Boleh diukur | 1 |
| | H2 | Boleh dibandingkan dalam bentuk kuantitatif / kualitatif / Mensasarkan peningkatan 5% jualan setiap bulan | 1 |
| | F3 | Time frame / Jangka masa | 1 |
| | H3 | Satu tempoh masa yang ditetapkan bagi mencapai objektif / setiap bulan / sebulan | 1 |
| | F4 | Attainable / boleh dicapai | 1 |
| | H4 | Sasaran yang boleh dicapai berdasarkan sumber yang ada / Menjual 800 unit produk minuman dalam tempoh sebulan bagi pasaran tempatan | 1 |
| | F5 | Realistic / Munasabah | 1 |
| | H5 | Peluang yang tidak mustahil untuk dicapai / Menjual 800 unit produk minuman dalam tempoh sebulan | 1 |
| | | **[mana-mana 2F+2H; Huraian hanya boleh diterima sekali sahaja]** | **[Maks 4]** |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 2(b) | F1 | Bahagian fungsian khidmat pelanggan | 1 |
| | H1 | Memberi perkhidmatan terbaik kepada pelanggan | 1 |
| | H2 | Meletakkan pekerja yang bersifat positif untuk menjalankan tugas | 1 |
| | H3 | Melantik pakar teknikal | 1 |
| | H4 | Memberikan nasihat secara terperinci cara penggunaan barang kepada pelanggan | 1 |
| | H5 | Menjawab pertanyaan pelanggan berkenaan barang dan perkhidmatan | 1 |
| | H6 | Memberikan maklumat mengikut kehendak pelanggan | 1<br>**[Maks 6]** |
| 3(a) | F1 | Penempatan pekerja dan fasiliti | 1 |
| | H1a | Penempatan pekerja mengikut Kemahiran/ kebolehan/ minat/ kerjaya / pengalaman / keperluan perniagaan | 1 |
| | H1b | Pekerja mahir dalam bidang perakaunan / Fasiliti yang mengandungi perisian kewangan terkini. | 1 |
| | F2 | Standard Prosedur Operasi Tugas (SOP) | 1 |
| | H2a | dokumen arahan bertulis untuk mencapai keseragaman pelaksanaan tugas | 1 |
| | H2b | Pekerja mematuhi SOP | 1 |
| | F3 | Sistem Penggajian | 1 |
| | H3a | Memberikan gaji yang kompetitif / mengikut pengalaman / kelayakan | 1 |
| | H4 | Penghargaan dan hukuman | 1 |
| | H4a | Pekerja yang berprestasi tinggi perlu diberi penghargaan | 1 |
| | H5 | Penyelesaian masalah | 1 |
| | H5a | Komunikasi yang berkesan / perbincangan dari semasa ke semasa / mewujudkan persekitaran harmoni<br>**[mana-mana 3F dan 3H]** | 1<br>**[Maks 6]** |
| 3(b) | H1 | Kemudahan kredit kepada pemegang akaun semasa | 1 |
| | H2 | Boleh mengeluarkan wang melebihi jumlah simpanan | 1 |
| | H3 | Jumlah pengeluaran setakat had yang telah ditetapkan | 1 |
| | H4 | Faedah dikenakan ke atas jumlah overdraf yang digunakan / mengikut kadar harian | 1 |
| | H5 | Sesuai untuk usahawan yang kurang pasti tentang jumlah / masa / tempoh pembiayaan yang diperlukan | 1<br>**[Maks 4]** |

# Suka sampel ini?

## Kertas Trial SPM

Perniagaan (40+ set)

- Kertas trial SPM dari banyak negeri untuk subjek yang dipilih
- Skema jawapan / cadangan jawapan
- Set Penuh: semua 17 subjek dan jadual ulangkaji A+

# RM12.90

**BELI SEKARANG >**

nightmew.com/p/kertas-percubaan-spm · FPX online banking · download serta-merta